

Perbahasan Najib di Dewan Rakyat terganggu



Najib tiba di Parlimen untuk Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

Datuk Seri Najib Razak yang mendapat pelepasan mahkamah untuk berbahas di Dewan Rakyat petang semalam, terpaksa berhadapan dengan gangguan seorang penyokong kerajaan yang berkali-kali meminta laluan untuk mencelah.

Najib yang seperti menjadi sasaran RSN Rayer (DAP-Jelutong), diasak dengan pelbagai isu, termasuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sedang dibicarakan di mahkamah.

Tindakan wakil rakyat kerajaan itu mengganggu perbahasan bekas Perdana Menteri menyebabkan Timbalan Speaker, Nga Kor Ming terpaksa memberi beberapa peringatan.

Keengganannya beralah mendorong Kor Ming mengarahkan Rayer duduk dan diingatkan supaya

tidak mengganggu perbahasan Najib, malah beberapa wakil pembangkang turut melontarkan perkara sama.

Datuk Seri Shahidan Kassim (BN-Arau) yang diberi laluan, bangun dan mengingatkan Rayer supaya berhenti mengganggu perjalanan Dewan jika tidak mahu diganggu apabila tiba gilirannya berbahas.

Kor Ming pantas meredakan keadaan dengan meminta kedua-dua pihak mematuhi peraturan Dewan dan tidak mencelah sesuka hati.

“Ahli Yang Berhormat, jika di sebelah sana berucap, sebelah sini perlu memberi kerjasama begitu juga sebaliknya. Jelutong dan Arau sila duduk,” katanya sambil meminta Najib meneruskan perbahasan.

Ahli Parlimen Pekan itu antara lain mengutarakan Belanjawan 2020 tidak memberi sebarang pemotongan cukai, manakala bantuan kepada rakyat juga tidak naik.

“Jika kita ada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), cukai korporat dan cukai pendapatan peribadi dapat dikurangkan seperti 2015.

“Perancangan kerajaan terdahulu adalah untuk mengurangkan kadar cukai korporat yang kini berada pada paras 24 peratus.

“Negara sekitar sudah mengurangkan cukai korporat merangkumi Singapura kepada 17 peratus, Vietnam 20 peratus dan Indonesia dijangka mengimbangi cukai seperti Singapura,” katanya.